KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN WARISAN NEGARA

WEBINAR WARISAN TIDAK KETARA 2022
"MANFAAT CERITA RAKYAT, WARISAN TURUN-TEMURUN"
ANJURAN BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA,
JABATAN WARISAN NEGARA

Jabatan Warisan Negara (JWN) melalui Bahagian Warisan Tidak Ketara (BWTK) telah menganjurkan satu lagi sesi Webinar Warisan Tidak Ketara bertajuk "Manfaat Cerita Rakyat, Warisan Turun-Temurun" yang telah diadakan pada 21 April 2022 selama dua jam bermula 2:30 petang sehingga 4:30 petang. Penganjuran topik webinar ini adalah merupakan usaha untuk menghidupkan semula Cerita Rakyat yang mempunyai pelbagai unsur pengajaran dan nilai murni kepada masyarakat. Selain itu, Cerita Rakyat juga merupakan objek warisan tidak ketara bahasa dan persuratan yang telah diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2018 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Sesi perkongsian ilmu ini telah dibarisi oleh dua (2) orang ahli panel iaitu YBhg. Dato' Aripin Said yang merupakan Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) dan YBrs. Dr. Nordiana Binti Ab Jabar iaitu Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Manakala moderator bagi sesi webinar ini pula adalah YBrs. Ts. Dr. Mohd Saipuddin Bin Suliman yang juga merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Sepanjang webinar berlangsung moderator dan para panel telah membincangkan secara mendalam berkaitan fungsi, sejarah, manfaat dan penerimaan Cerita Rakyat dalam kehidupan masyarakat masa kini serta usaha untuk meneruskan peranannya suatu ketika dahulu dalam arus permodenan. Sesi webinar ini telah disertai oleh 300 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar masyarakat di seluruh negara. Peserta yang mendaftar penyertaan secara atas talian semasa siaran berlangsung juga turut menerima e-sijil kehadiran.

Rakaman penuh siri webinar ini kini boleh ditonton melalui laman sosial rasmi Jabatan Warisan Negara iaitu: https://www.facebook.com/Jabatanwarisannegara/

Disediakan oleh:
Cawangan Bahasa dan Persuratan
Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara (JWN)

WEBINAR
WARISAN TIDAK KETARA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
JABATAN WARISAN NEGARA

MANFAAT CERITA RAKYAT WARISAN TURUN-TEMURUN

"Kenali, Sayangi dan Lestari Warisan Kita"



MODERATOR
TS. DR. MOHD. SAIPUDDIN BIN SULIMAN
KETUA BIDANG
ELEKTIF KESUSASTERAAN WARISAN
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN, UMK

PANEL 1
DATO' ARIPIN BIN SAID
TOKOH
WARISAN KEBANGSAAN ORANG HIDUP (WAKOH)

PANEL 2
DR. NORDIANA AB. JABAR
PENSYARAH KANAN
BIDANG KESUSASTERAAN WARISAN
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN, UMK

SINOPSIS

Cerita Rakyat merupakan sastera rakyat yang berbentuk cerita atau cerita lisan. Cerita rakyat sangat diminati dalam kalangan masyarakat Melayu dan diperturunkan secara lisan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Dalam masyarakat Melayu terdapat pelbagai jenis cerita rakyat seperti cerita binatang, cerita jenaka, cerita asal-usul, mitos dan lagenda, cerita lipur lara dan pelbagai lagi. Pada zaman dahulu cerita rakyat berfungsi sebagai alat hiburan, alat untuk menyampaikan pengajaran dan mendidik masyarakat serta sebagai wadah untuk menyampaikan ekspresi seni dalam kalangan masyarakat. Pada tahun 2018, Cerita Rakyat telah disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Oleh itu, webinar ini akan membincangkan tentang manfaat dan penerimaan Cerita Rakyat dalam kehidupan masyarakat kini. Selain itu, topik ini juga akan melihat bagaimanakah kelangsungan Cerita Rakyat untuk meneruskan peranannya suatu ketika dahulu kepada generasi kini yang menuju arus permodenan.

SECARA DALAM TALIAN DI FACEBOOK JWN

21 APRIL 2022
KHAMIS
2.30 PETANG

HERITAGE TV | JWNinfo | Jabatanwarisannegara | JWNinfo | www.heritage.gov.my | 03-2604 4906/ 03-2612 7726


WEBINAR
WARISAN TIDAK KETARA
Ts. Dr. Mohd Saipuddin Bin Suliman
Dato` Aripin Bin Said
Dr. Nordiana Binti Ab. Jabar
UNTUK SEBARANG MAKLUMAT DAN PERTANYAAN SILA EMELKAN PADA info@heritage.gov.my


WEBINAR
WARISAN TIDAK KETARA
Ts. Dr. Mohd Saipuddin Bin Suliman
Dato` Aripin Bin Said
Dr. Nordiana Binti Ab. Jabar
19:36 / 1:47:46
Jabatan Warisan Negara (Department of National Heritage)
21 April at 14:30
210
106 comments 1.1K views
Overview
Comments
Your replies
Most relevant
Rosnariah Ola
setuju sgt2... pertontonkan semula di tv mcm dulu2 , msk dlm media @ jdkn sebagai salah satu siaran / channel cerita rakyat pelbagai versi /konsep klasik, moden, digital agar cerita2 rakyat ni diperkenalkan semula . semoga dipermudahkan segala urusan..
Like
Reply
5 d


WEBINAR
WARISAN TIDAK KETARA
Ts. Dr. Mohd Saipuddin Bin Suliman
Dato` Aripin Bin Said
Dr. Nordiana Binti Ab. Jabar
37:09 / 1:47:46
SILA EMELKAN PADA info@heritage.gov.my SILA TEKAN LIKE, SHARE, COMMENT DAN SUBSCRIBE SERTA AKTIFKAN BUTANG NOTIFIKASI
Jabatan Warisan Negara (Department of National Heritage)
21 April at 14:30
210
106 comments 1.1K views
Overview
Comments
Your replies
Most relevant
Siti Zaidah
Mmg menarik la dato' aripin bercerita 😱.. Sampai
Like
Reply
5 d
Rosnariah Ola
Menjadi Khazanah yang tercantik dan wujud dlm prgrm pendidikan
Like
Reply
5 d
Lyna Latip
suke dgr cerita rakyat 😀